

Headline	Doa tukang gunting rambut		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	19	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	296 cm ²
Journalist	Asmah Rusman	AdValue	RM 11,661
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,982



Doa tukang gunting rambut

■ **Lelaki pernah tolak tawaran akibat kesempitan wang berpeluang ke Makkah**

Asmah Rusman
asmah_rusman
@hmetro.com.my

Bekerja sebagai tukang gunting di sebuah kedai di Juru, Bukit Mertajam, Pulau Pinang tidak menjanjikan pendapatan tetap apatah lagi wang berkenaan perlu digunakan untuk menyara keluarga terlebih dulu.

Lantaran itu, tawaran diterima daripada Tabung Haji kira-kira 11 tahun lalu untuk menunaikan rukun Islam kelima terpaksa ditolak kerana wang simpanan belum mencukupi.

Namun, kegihannya menyimpan sedikit demi sedikit sejak membuka akaun Tabung Haji pada 2000 diiringi doa kepada Yang Maha Esa akhirnya membawa khabar gembira apabila tahun ini dipilih mengerjakan haji.

Bagi Id-ris Omar, 70, tiada kata dapat menggambarkan rasa

syukur dan gembira sebaik menerima surat tawaran

pada awal tahun lalu.

"Pendapatan saya tidak menentu, kalau ada lebih, dapatlah simpan, kadang-kadang beberapa bulan sekali baru dapat simpan.

"Memang sedih apabila tawaran pertama yang datang terpaksa ditolak kerana tidak cukup duit, tetapi saya yakin ada rezeki lain dan sentiasa berdoa untuk pergi ke Tanah Suci," katanya,

Menurutnya, dia bersyukur kerana masih dikurniakan kesihatan yang baik dan badan yang sihat meskipun mencecah usia emas.

"Alhamdulillah tahun ini saya dipilih dan paling bermakna saya masih dikurniakan kesihatan yang baik untuk melakukan ibadat," katanya yang berharap urusan ibadatnya nanti dipermudahkan dan mendapat haji mabrur.

Bagi Ketua Kampung Mukim Guar Nering, Rantau Panjang, Kelantan, Nik Abdul Halim Nik Yusoff, 64, peluang mengerjakan haji dianggap hadiah paling bermakna tahun ini.

"Sebaik terima khabar gembira ini, saya berusaha memperbaiki amal dan ibadat sama ada yang wajib atau sunat selain menyertai kursus haji disediakan Tabung Haji supaya lebih bersedia," katanya.

Bagaimanapun, dia yang juga bekas tentera melahirkan rasa terkilan kerana tidak dapat menunaikan haji bersama isterinya yang tidak terpilih untuk ke Tanah Suci.

"Mungkin belum ada rezeki isteri lagi dan memang sedih apabila terpaksa pergi seorang diri namun saya akan berdoa di depan Kaa-

bah semoga kami dapat menjejakkan kaki ke Tanah Suci bersama-sama nanti," katanya.

Seramai 448 jemaah haji dari seluruh negara berlepas ke Makkah dengan penerbangan KT28 dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), kira-kira jam 8 pagi semalam.



NIK Abdul Halim

Headline	Doa tukang gunting rambut		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	19	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	296 cm ²
Journalist	Asmah Rusman	AdValue	RM 11,661
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,982

